

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN**  
**DEWAN NEGARA MESYUARAT KETHREE, PENGGAL KEEMPAT**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 14 Disember 2016**

**SOALAN**

Tuan Chia Song Cheng minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah 'support system' oleh Kementerian untuk menolong ibu di bawah umur, terutamanya bagi membendung kes pembuangan bayi di negara ini dan apakah langkah untuk memastikan golongan tersebut tahu mengenai bantuan tersebut.

## **JAWAPAN**

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT Tuan Yang Dipertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa melaksanakan pelbagai usaha untuk membendung masalah pembuangan bayi yang berlaku. Bagi membantu ibu di bawah umur yang mengandung luar nikah, Kementerian mengambil langkah-langkah dengan menyediakan beberapa 'support system' dan bantuan kepada golongan ini. Antaranya adalah : i) Menyediakan Rumah Perlindungan kepada kanak-kanak dan wanita yang hamil luar nikah. Terdapat 4 buah institusi kendalian JKM disediakan untuk kanak-kanak hamil luar nikah berusia di bawah 18 tahun dan 2 buah institusi untuk wanita hamil luar nikah yang berusia 18 tahun ke atas. Wanita dan keluarga kanak-kanak yang hamil luar nikah dan memerlukan perlindungan boleh mendapatkan perkhidmatan tersebut melalui Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah di seluruh negara. ii) Kementerian juga menyediakan 65 buah institusi kebajikan, 104 buah Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah, 53 buah Klinik Nur Sejahtera dan 142 buah Pusat Aktiviti Kanak-Kanak yang bersedia memberi perkhidmatan sokongan kepada ibu bawah umur yang mengandung luar nikah ini. iii) Perkhidmatan khidmat nasihat dan kaunseling kepada ibu di bawah umur yang mengandung luar nikah turut disediakan. Dalam hal ini seramai 183 orang Pegawai Psikologi di Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), 2 orang Pegawai Psikologi di Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), 16 orang Pegawai Psikologi di Lembaga Pembangunan Penduduk Keluarga Negara (LPPKN) serta 51 orang Panel Kaunselor di bawah penyelarasan LPPKN sentiasa bersedia untuk membantu kanak-kanak dan ahli keluarga yang traumatis. iv) Kementerian turut menjalankan kerjasama dengan Pertubuhan Kebajikan dan Pengurusan Anak-Anak Yatim Kuala Lumpur (OrphanCARE) yang menyediakan tempat perlindungan dan khidmat sokongan sosial termasuk Baby Hatch kepada wanita bawah umur yang mengandung luar nikah. Sehingga kini terdapat sebanyak lapan (8) buah hospital dan sebuah (1) NGO telah menubuhkan Baby Hatch di seluruh Malaysia. v) Selain itu, KPWKM turut mengambil langkah-langkah dalam usaha mencegah peningkatan isu kehamilan luar nikah di kalangan remaja bawah melalui perlaksanaan program-program di bawah Dasar dan Pelan Tindakan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan seperti berikut: a) PEKERTI@PLKN b) PEKERTI@Sekolah c) PEKERTI@IPGM d) PEKERTI@KOMUNITI e) Pusat Remaja Kafe@TEEN Tuan Yang Dipertua, Bagi memastikan ibu-ibu di bawah umur ini tahu mengenai bantuan yang ada disediakan kepada mereka, Kementerian melalui agensi-agensi di bawahnya menyediakan beberapa inisiatif iaitu: i) Perkhidmatan Talian Kasih 15999 yang membolehkan orang awam membuat sebarang aduan termasuk kes pembuangan bayi. Talian ini beroperasi 24 jam sehari sepanjang tahun. ii) Menjalankan kerjasama strategik seperti kempen, seminar dan forum melalui penglibatan ahli masyarakat setempat dalam organisasi akar umbi seperti Jawatankuasa Kebajikan Kanak-Kanak Daerah (JKKD) dan Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak (PPKK) bagi memaklumkan perkhidmatan yang ada disediakan oleh JKM. iii) Memaparkan perkhidmatan-perkhidmatan berkaitan perlindungan kepada kanak-kanak termasuk ibu-ibu bawah umur yang hamil luar nikah JKM di laman sesawang di JKM di [www.jkm.gov.my](http://www.jkm.gov.my). Kerjasama dari pelbagai agensi Kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan sebenarnya adalah sangat penting sebagai Support System dalam usaha menolong ibu bawah umur ini yang seterusnya membendung isu pembuangan bayi.

